

## ELEMEN ANTI HADIS DALAM UCAPAN KEPADA KONFERENSI POLITIK NASIONAL OLEH KASSIM AHMAD: SATU PENILAIAN

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali<sup>1</sup>

Mohd Rumaizuddin Ghazali<sup>2</sup>

Mohd Azhar Ibrahim Resedi<sup>3</sup>

Fikri Muharam<sup>4</sup>

### Abstrak

*Hadis adalah segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sama ada daripada segi perkataan, perbuatan mahupun perakuan Baginda S.A.W. Dari sudut sistem hierarki ilmu Islam, al-Hadīth berada di tempat kedua selepas al-Quran, serta merupakan salah satu sumber perundangan Islam yang disepakati oleh para ulama Islam dalam menyelesaikan permasalahan kehidupan umat. Pada tahun 2014, fenomena anti hadis kembali mengambil kesempatan dalam arena perdebatan ilmiah di Malaysia setelah Kassim Ahmad membentangkan pendapat-pendapat politik beliau di dalam Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian. Penulisan ini adalah bertujuan untuk mengekstrak beberapa kekeliruan yang terkandung dalam ucapannya Kassim Ahmad yang bertajuk "Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang." Penilaian seterusnya dibuat menerusi kaedah analisa kandungan berserta silang rujuk kepada dua buku hasil tulisan Kassim Ahmad yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebelum ini. Hasil pemerhatian setakat ini mendapati bahawa ucapan Kassim Ahmad itu mengandungi dua*

1 Pensyarah di Program Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Boleh dihubungi melalui [wmfazrul@usim.edu.my](mailto:wmfazrul@usim.edu.my).

2 Pensyarah di Program Da'wah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

3 Pensyarah di Program Da'wah dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

4 Pembantu Penyelidik di Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga pelajar Sarjana Dakwah dan Pengurusan Islam.

*elemen anti hadis, iaitu dakwaan bahawa (1) Imam al-Shāfi'ī adalah sarjana Muslim terawal yang mewajibkan hadis sebagai sumber perundangan Islam dan (2) hadis tidak mentafsirkan al-Quran, tetapi al-Quran mentafsirkan al-Quran melalui kaedah saintifik. Artikel ini cuba mengukuhkan lagi kewajaran pertuduhan kesalahan syariah yang telah dibuat ke atas Kassim Ahmad yang telah menghina agama Islam dan melanggar Fatwa Wilayah Persekutuan melalui penglibatannya dalam penyebaran dakwah anti hadis.*

*Kata Kunci: Kassim Ahmad, anti hadis, kritikan ilmiah, analisa kandungan dan konferensi politik nasional.*

### Abstract

*Ḥadīth is Islamic tradition, which is ascribed to the Prophet Muhammad (PBUH) from the aspects of his verbatim, deeds, approvals and disapprovals. In the hierarchy of Islamic epistemology, al-Ḥadīth is second after the Quran, which is agreed upon by the majority of reputable Muslim scholars to be taken as reference in solving issues of the ummah. In 2014, the anti-ḥadīth phenomenon made its comeback to the Malaysian arena of intellectual debate, especially in post-Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian. This article purports to deduce some confusions about Islamic teachings as found in Kassim Ahmad's keynote paper entitled: Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang. Analysis on this paper is undertaken by applying these methods: content analysis and cross reference to the two banned books of Kassim Ahmad by the Malaysian Ministry of Home Affairs (KDN). This analysis has found that Kassim Ahmad's paper contains two elements of anti-Ḥadīth claim, namely: (1) Imam al-Shāfi'ī as the earliest scholar who compels that ḥadīth is taken as a source for Islamic jurisprudence and (2) ḥadīth does not interpret the Quran, but only Quran interprets the Quran from a so-called scientific approach. This article will strengthen the charges made by the Religious office against Kassim Ahmad's offences of insulting Islamic religion and disobeying Federal Territories Fatwa in relation to anti-ḥadīth Group.*

*Keywords: Kassim Ahmad, Anti-hadīth, scholarly criticism, content analysis and national political conference.*

## PENDAHULUAN

Hakikatnya, isu anti hadis adalah isu yang telah lama muncul dalam sejarah Islam.<sup>5</sup> Namun isu ini telah dibangkitkan semula di Malaysia pada tahun 2014 apabila Kassim Ahmad telah muncul kembali melalui Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014. Dalam ucapan utama seminar ini yang bertajuk *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan datang*, Kassim Ahmad telah membentangkan beberapa pendapat politik beliau yang didapati mempunyai elemen anti hadis. Pertuduhan anti hadis terhadap Kassim Ahmad telah pun dibuat sejak tahun 1986 dahulu oleh pelbagai Jabatan Mufti Negeri melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh sebilangan negeri seperti Pulau Pinang,<sup>6</sup> Selangor,<sup>7</sup> Wilayah Persekutuan,<sup>8</sup> Sabah<sup>9</sup> dan Pahang.<sup>10</sup>

5 Al-Salus, Ali Ahmad, 1987, *Qissah Al-Hujum 'Ala Al-Sunnah*, t.tp., Dar Al-Salam, hlm. 18 – 36.

6 Lihat: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 17 April 2014, “Fatawa: Pandangan Mengenai Buku Dr. Kassim Ahmad «Hadis Satu penilaian Semula,» Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=803> dan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, 17 April 2014, “Fatawa: Kedudukan Kassim b. Ahmad,» Sistem Pengurusan Fatwa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1002>.

7 Lihat: Jabatan Mufti Negeri Selangor, 17 April 2014, “Fatawa: Fatwa Tentang Buku «Hadis Satu Penilaian Semula» Oleh Kassim Ahmad,» Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=274> dan Jabatan Mufti Negeri Selangor, 17 April 2014, “Golongan Anti Hadis,» Sistem Pengurusan Fatwa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=985>.

8 Lihat: Jabatan Mufti Negeri Wilayah Persekutuan, 17 April 2014, “Fatawa: Anti Hadith,» Sistem Pengurusan Fatwa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=215>.

9 Lihat: Jabatan Mufti Negeri Sabah, 17 April 2014, “Buku Hadith Satu Penilaian Semula oleh Kassim Ahmad,» E-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/buku-hadith-satu-penilaian-semula-oleh-kassim-ahmad>.

10 Lihat: Jabatan Mufti Negeri Pahang, 17 April 2014, “Fatawa: Buku “Hadis Satu Penilaian Semula” oleh Kassim Ahmad; Buku “Hadis Jawapan Kepada Pengkritik” oleh

Hadis Rasulullah SAW telah disepakati oleh para ulama muktabar untuk diterima- pakai sebagai sumber autoriti kedua kepada seluruh isi kandungan pengajaran Islam, di samping sumber pertama yakni al-Quran.<sup>11</sup> Namun, perlu difahami bahawa tidak semua hadis diberi status sebagai sumber kedua tersebut kecuali hadis yang telah mencapai taraf sahih dan hasan sahaja. Dalam erti kata yang lain, hadis yang palsu adalah ditolak oleh umat Islam sendiri, manakala hadis daif atau yang lemah pula tertakluk kepada perbincangan oleh pakar *muhaddithin* dalam menentukan keabsahan penggunaannya atau pun tidak.<sup>12</sup>

Pada kurun kedua dan ketiga hijrah dahulu, Imam Al-Shafi'i (150-204H) telah menjawab isu-isu anti hadis ini melalui *Risalahnya* yang masyhur.<sup>13</sup> Kemudian pada kurun kelapan hijrah, muncul pula Al-Imam Al-Shatibi (wafat 790H) yang menolak *kebidaahan* ajaran *Quraniyyin* anti hadis melalui *Al-F'tisam*.<sup>14</sup> Pada kurun kesembilan dan kesepuluh hijrah pula, muncul Imam Jalaluddin Al-Suyuti (849-911H) melalui *Miftah Al-Jannahnya* untuk menyambung tugas yang mulia ini bagi mendidik ummah dan membanteras elemen anti hadis yang juga sebenarnya anti Islam.<sup>15</sup> Kesemua ulama *muhaddithin*,

Kassim Ahmad; Buku "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu – Hadis Di Dalam Al-Qur'an" oleh Idris Abdul Rahman; Buku "Bacaan" oleh Othman Ali; Buku "The Co," Sistem Pengurusan Fatwa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1913>.

11 Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris, t.th., *Al-Risalah*, Semakan: Ahmad Muhammad Shakir, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, hlm. 85-105; Ibn Al-Firkah, t. th., *Sharh Al-Waraqat Li Al-Haramayn Al-Juwayni*, t.tp.: Dar Al-Basha'ir Al-Islamiyyah, hlm. 277-307; Abd Al-Wahhab Khallaf, 1956, *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Kaherah, Maktabah Al-Da'wah Al-Islamiyyah, hlm. 36-44 dan Al-Zuhayli, Wahbah, 1986, *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Damsyik, Dar Al-Fikr, hlm. 449-485.

12 Ibn Salah, 1986, *Ulum Al-Hadith*, Semakan: Nuruddin 'Itr. Damsyik: Dar Al-Fikr, hlm. 98-100 & 102-104; Al-Nawawi, Muhyiddin, 1985, *Al-Taqrif Wa Al-Taysir Li Ma'rifah Sunan Al-Bashir Al-Nadhir*. Semakan: Muhammad 'Uthman Al-Khasht, Beirut, Dar Al-Kitab Al-Arabi, hlm. 46 – 48; Al-Suyuti, Jalaluddin, 1996, *Tadrib Al-Rawi Sharh Taqrif Al-Nawawi*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah. Jilid 1, hlm. 148-162, Al-Tahhan, Mahmud, 1415H, *Taysir Mustalah Al-Hadis*. Iskandariyyah: Markaz Al-Huda Li Al-Dirasat. hlm. 51-53, Nuruddin 'Itr. 1988. *Manhaj Al-Naqd Fi 'Ulum Al-Hadis*. Damsyik: Dar Al-Fikr, hlm, 286-297; Al-Adawi, Mustafa, 1990, *Taysir Mustalah Al-Hadis: Fi Su'al Wa Jawab*. T.tp.: Maktabah Al-Haramayn Li Al-'Ulum Al-Nafi'ah, hlm. 30-31.

13 Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris, t.th. *Al-Risalah*, Semakan: Ahmad Muhammad Shakir, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, hlm. 401-481.

14 Al-Shatibi, Ibrahim, 1421H, *Al-F'tisam*. t.tp: Maktabah Al-Tawhid. Jilid 2, hlm. 31-35.

15 Al-Suyuti, Jalaluddin Ibn 'Abd Al-Rahman, 1987, *Miftah Al-Jannah Fi Al-F'tisam Bi Al-*

seperti Imam Ahmad Ibn Hanbal (164-241H), Imam Al-Bukhari (194-256H), Imam Muslim (206-261H), Imam Al-Tirmidhi (209-279H) dan ramai lagi sehinggalah ke hari ini, secara tidak langsung sebenarnya bekerja bukan sahaja untuk mengembangkan hadis, malah untuk menangani golongan anti hadis.<sup>16</sup> Jelasnya, usaha mempertahankan Islam daripada penyelewengan anti hadis ini telah berlangsung seiring dengan dakwah Islam sedari awal dahulu. Dakwah Islam ini disertai dengan pendidikan Akidah, Syariah dan Akhlak yang mendukung hadis sebagai sumber autoriti utama yang menjadi rujukan dan penghurainya.

Menerusi kaedah analisa kandungan, artikel ini akan secara spesifik mengekstrak kekeliruan Islam yang terdapat dalam ucpatama Kassim Ahmad yang bertajuk “*Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan datang.*” Seterusnya, artikel ini akan memberikan kritikan ilmiah kepada elemen anti hadis yang dibangkitkan dalam ucpatamanya ini berserta silang rujuk kepada kedua-dua buku utamanya yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebelum ini iaitu: *Hadis Satu Penilaian Semula* (1986) dan *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* (1992).

### **KASSIM AHMAD: SEORANG PEMIKIR ISLAM?**

Kassim Ahmad asalnya adalah salah seorang ahli akademik tanah air yang juga seorang wartawan, penulis, penyair, politikus dan telah dituduh sebagai anti hadis oleh badan-badan autoriti agama di Malaysia. Beliau telah dilahirkan di Kampung Kubang Tampang, mukim Lepai, Kubang Pasu pada 9 September 1933.<sup>17</sup>

Kassim Ahmad mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu, Bandar Baharu, kemudian ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dan Universiti Malaya di Singapura dalam bidang Pengajian

---

*Sunnah*. Semakan: Mustafa °Ashur, Jeddah, Maktabah Al-Sa‘i.

16 Hal ini sebenarnya jelas, sekiranya dilihat kepada *raison d’etre* kemunculan disiplin ilmu hadis selepas kristalisasinya dan juga melalui perjuangan ramai muhaddithin sehinggalah ke hari ini. Sebuah tesis yang komprehensif telah diterbitkan untuk menanggapi isu ini. Rujuk: Muhammad Abu Zuhu, 1984, *Al-Hadith Wa Al-Muhaddithun Aw °Inayah Al-Ummah Al-Islamiyyah Bi Al-Sunnah Al-Nabawiyah*, Riyadh, Al-Ri’asah Al-°Ammah Li Idarat Al-Buhuth Al-°Ilmiyyah Wa Al-Iftha’ Wa Al-Da°wah Wa Al-Irshad.

17 Kassim Ahmad, 2008, *Mencari Jalan Pulang. : Daripada Sosialisme Kepada Islam*, Kuala Lumpur, ZI Publications Sdn Bhd, hlm. 3.

Melayu. Selepas menamatkan pengajian, beliau telah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); kemudiannya di School of Oriental and African Studies (SOAS) di University of London; seterusnya menjadi guru di Sekolah Abdullah Munshi, Pulau Pinang; mengajar di Universiti Sains Malaysia (USM) dan sangat aktif dalam gerakan politik sosialis dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).<sup>18</sup> Di SOAS, University of London, beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah Kesusasteraan Melayu kerana memiliki pengalaman dan latar belakang akademik dalam bidang sejarah dan sastera Melayu.

Antara karya beliau yang telah diterbitkan ialah *Hikayat Hang Tuah* (1965), *Characterisation in Hikayat Hang Tuah* (1966), *Kemarau di Lembah* (1967), *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah* (1973), Sajak 'Pengembara Dalam Perjalanan' (1978), *Universiti Kedua* (1983), *Hadis: Satu Penilaian Semula* (1986), *Hadis : Jawapan Kepada Pengkritik* (1992), *Mencari Jalan Pulang Daripada Sosialisme Kepada Islam* (2008) dan banyak lagi.<sup>19</sup> Maklumat lanjut mengenai Kassim Ahmad boleh dirujuk di [kassimahmad.blogspot](http://kassimahmad.blogspot) dan juga memoir biografinya iaitu *Mencari Jalan Pulang* yang telah diterbitkan oleh syarikat penerbitan ZI Publications Sdn. Bhd yang dimiliki oleh Datuk Mohd Zaid Ibrahim (lahir 1951).

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada penulisan-penulisan Kassim Ahmad, dapat disimpulkan yang beliau telah menerima pendidikan agama daripada bapanya yang pernah mengajarnya membaca al-Quran dan juga ketika beliau mengikuti pendidikan formal di sekolah rendah dan sekolah menengah. Selain daripada itu, dapat juga dikesan bahawa Kassim Ahmad mempunyai minat membaca bahan-bahan berkisarkan pendidikan Islam seperti tafsir, hadis, akidah, pemikiran Islam dan lain-lain dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun begitu, tidak dapat dipastikan di sini sebarang rekod rasmi berkenaan pembelajaran pengajian Islam secara intensif yang telah beliau perolehi sama ada secara formal, informal ataupun non-formal.

<sup>18</sup> *Ibid.* hlm. 12-107.

<sup>19</sup> n.a., 17 April 2014, "Kassim's Biography," Kassim's Verses, <http://kassimahmad.wordpress.com/about/>.

Namun, penelitian kepada beberapa karya beliau sebelum ini dapat dilihat bahawa Kassim Ahmad telah membaca buku-buku pengajian Islam seperti *Ulum Al-Quran* oleh Ahmad von Denffer, *Studies in Early Hadith Literature* oleh Muhammad Mustafa Al-A'zami, *Islam* oleh Fazlur Rahman, *The Life of Muhammad* oleh Ibn Ishaq, *Islamic Jurisprudence: Shafi'i's Risala* oleh Imam Al-Shafi'i, *The Muqaddimah: An Introduction to History* oleh Ibn Khaldun dan banyak lagi.

Namun begitu, suatu realiti yang sewajibnya diketahui oleh semua, untuk memahami Islam tidaklah terhad dengan hanya membaca dan mendengar syarahan sahaja. Apatah lagi sekiranya perbahasan yang ingin diketengahkan melibatkan persoalan dan permasalahan yang besar berkenaan prinsip-prinsip Islam seperti sumber rujukan agama, kedudukan Nabi SAW serta perkara-perkara syariat berkaitan hal ehwal halal dan haram.

Secara analogi, bolehkah dibenarkan bagi sesiapa sahaja yang telah menamatkan bacaan dan mengikuti syarahan berkenaan ilmu kejuruteraan arkitek, perubatan atau kewangan profesional untuk terus diangkat menjadi rujukan atau pengamal dalam bidang masing-masing? Bolehkah seseorang yang tidak mendapat latihan yang mencukupi dan tidak memiliki pengiktirafan daripada autoriti dalam satu-satu bidang seperti yang dinyatakan tadi untuk sewenang-wenangnya membuat beberapa kesimpulan yang secara terang melanggar prinsip asas bidang ilmu yang didakwanya? Apakah agaknya malapetaka intelektual dan bencana setempat yang mungkin berlaku sekiranya dibenarkan fenomena seperti ini berleluasa dan berterusan?

Dalam analogi tadi, contoh yang diberikan adalah dalam beberapa disiplin profesional hari ini yang dianggap sebagai contoh kerjaya yang berdaya gaji tinggi, malah para pengamalnya pula adalah daripada kumpulan profesional serta dipandang tinggi oleh masyarakat setempat. Namun, bagaimana sekiranya fenomena ini berlaku dalam disiplin pengajian Islam? Adakah tempat letak agama yang menjadi penyuluh persoalan muktamad manusia (*man's ultimate questions*) iaitu berkenaan jati diri (*who and why*), dari mana asal (*from where*) dan ke mana pergi (*to where*) setaraf saja mudaratnya seperti dalam beberapa disiplin profesional tadi?

Oleh itu, Baginda SAW pernah bersabda:

مَنْ يُرِدْ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ وَإِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ<sup>20</sup>

Maksudnya: Barang siapa yang Allah kehendaki baginya kebaikan akan diberikannya kefahaman mendalam dalam agama. Dan sesungguhnya ilmu itu hanya dapat diperolehi melalui pembelajaran.

Dalam disiplin pengajian Islam, matlamat utama seseorang penuntut itu mendalami satu-satu bidang seperti akidah, syariah, akhlak, usul fiqh, dakwah, ilmu Quran dan ilmu hadis, adalah untuk beramal dengan ilmu tersebut dan mengukuhkan iman serta mencapai takwa.<sup>21</sup> Inilah sebabnya dalam disiplin ini, seseorang penuntut itu ditekankan untuk mematuhi adab dan akhlak Islam sepanjang pengajian dan selepas tamat pengajiannya. Terdapat banyak karya ulama yang telah menghuraikan perkara ini seperti *Adab Al-<sup>c</sup>Alim Wa Al-Muta<sup>c</sup>allim* oleh Imam Al-Nawawi (631-676H),<sup>22</sup> *Tazkirah Al-Sami<sup>c</sup> Wa Al-Mutakallim Fi Adab Al-<sup>c</sup>Alim Wa Al-Muta<sup>c</sup>allim* oleh Ibn Jamaah (639-733H)<sup>23</sup> dan *Al-Mu<sup>c</sup>id Fi Adab Al-Mufid Wa Al-Mustafid* oleh Imam Al-<sup>c</sup>Almawi (w. 981H).<sup>24</sup>

Selain daripada memiliki keahlian, seorang pemikir Islam juga perlu mengetahui mauduk atau skop pemikiran yang hendak dibawa kepada masyarakat. Dalam erti kata yang lain, mauduk atau skop

20 Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, 1998, *Sahih Al-Bukhari*, Riyadh, International Ideas Home for Publishing and Distribution, Hadis no. 67, hlm. 39. Dalam setengah riwayat lain, dimasukkan juga sabda SAW: “Dan kefahaman itu hanya diperoleh melalui tafaqquh atau usaha untuk mendapatkan kefahaman.” Maka kefahaman itu adalah suatu yang perlu diusahakan dan perlu disemak untuk memastikan seseorang itu telah sampai kepada tahap faham. Oleh itu, para penuntut diwajibkan belajar satu-satu ilmu itu sehingga faham dengan pelbagai metode dan kaedah seperti latih tubi, ujian, soal-jawab dengan guru, latihan penyelesaian masalah dan banyak lagi kaedah seperti dalam pedagogi kontemporari.

21 Ini bersesuaian dengan maksud firman Allah SWT dalam Surah Fatir 35, ayat 28 seperti berikut: ...hanyasanya para ulama yang takut kepada Allah daripada kalangan hambaNya...

22 Al-Nawawi, Mahyuddin, 1987, *Adab Al-<sup>c</sup>Alim Wa Al-Muta<sup>c</sup>allim*, Tanta, Maktabah Al-Sahabah.

23 Ibn Jamaah, 2005, *Tazkirah Al-Sami<sup>c</sup> Wa Al-Mutakallim Fi Adab Al-<sup>c</sup>Alim Wa Al-Muta<sup>c</sup>allim*. Samnud, Maktabah Ibn Abbas.

24 Al-<sup>c</sup>Almawi, Abd Al-Basit, 1349H, *Al-Mu<sup>c</sup>id Fi Adab Al-Mufid Wa Al-Mustafid*. Damsyik t.pb.



yang hendak dibawa dalam perbincangan mestilah tidak bertentangan dengan prinsip asas agama atau *al-ma'lum min al-din bi al-darurah*. Dalam perbincangan ilmu usul fiqh, perkara ini disuluh dalam bab *Al-Ijtihad* atau pandangan agama. Perkara ijtihad sewajibnya difahami secara jelas terbahagi kepada dua jenis utama iaitu *al-mujtahad fih* (perkara yang boleh diijtihad padanya) dan *ghayr al-mujtahad fih* (perkara yang tidak boleh diijtihad padanya).<sup>25</sup> Perbincangan *al-mujtahad fih* atau perkara yang boleh diijtihad padanya ini adalah lebih luas daripada *ghayr al-mujtahad fih* atau perkara yang tidak boleh diijtihad padanya serta tidak harus diingkari.<sup>26</sup> Seorang pemikir Islam yang ingin membangunkan ummahnya sewajibnya berkreaitif dan berinovasi dalam perkara yang tertakluk dalam *al-mujtahad fih* dan bukannya dalam *ghayr al-mujtahad fih* kerana ini akan menghasilkan *bid'ah dalalah* yang dimurkai Allah SWT dan Rasulullah serta berupaya menghancurkan Islam kerana memusnahkan prinsip-prinsip yang dibawanya.<sup>27</sup> Dalam ibarat Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi (lahir 1929):

أمور الدنيا، يمكن أن تزيد فيها وتوسع، أما أمور الدين فلا يجوز الزيادة فيها أو النقص منها، لأن ذلك — كما قلنا — استدراك على الله، واتهام الدين بالنقص... ألخ. فما معنى أن توسع في الدين إذن؟! إن الكامل لا يقبل الزيادة. وقوله تعالى: الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا [المائدة: 3]<sup>28</sup>

25 Al-Zarkashi, Badr Al-Din, 1992, *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Al-Fiqh*, Al-Ghardaqaq, Dar Al-Safwah. Jilid. 6, hlm. 227 dan Muhammad Imarah, 2007, *Al-Nass Al-Islami Bayna Al-Tarikhyyah. Wa Al-Ijtihad. Wa Al-Jumud*. Mesir, Nahdah Misr.

26 Al-Ghazzali, 1413H, *Al-Mustasfa Min Ilm Al-Usul*. Ttp: T. pb. Jilid. 4. hlm. 18-28 dan Koutoub Moustapha Sano, 2006, *La Inkar Fi Masa'il Al-Ijtihad: Ru'yah Manhajyyah Tahlilyyah*, Beirut, Dar Ibn Hazm, hlm. 21-43.

27 Al-Qardhawi, Yusuf, 1996, *Al-Ijtihad Fi Al-Shar'ah Al-Islamiyyah*. Kuwait, Dar Al-Qalam, hlm. 113-214 dan Al-Ghazzali, Muhammad, 2005, *Laysa Min Al-Islam*. Kaherah, Dar Al-Shuruq. hlm. 30-43, 56-59 dan 113-139.

28 Al-Qardhawi, Yusuf, 2001, *Al-Sunnah Wa Al-Bid'ah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah, hlm. 52.

Maksudnya: Perkara-perkara keduniaan dapat ditambah dan diperluaskan, sedangkan perkara-perkara keagamaan tidak boleh ditambah atau dikurangi. Hal ini kerana, seperti yang telah kami jelaskan, adalah satu tindakan menghina Allah SWT (untuk memperbetulkan tugas-Nya) dan menuduh agama ini tidak lengkap dan sebagainya. Oleh yang demikian, apakah makna meluaskan agama itu? Sesungguhnya sesuatu yang sudah sempurna tidak lagi dapat ditambah. Firman Allah SWT: "... Pada hari ini, telah Aku sempurnakan untuk kamu semua agamamu, dan telah aku cukupkan kepada kamu semua nikmat-Ku dan telah Aku redha Islam itu menjadi agama kamu semua..." (Al-Maidah: Ayat 3)

Oleh itu, Kassim Ahmad amat sesuai untuk diangkat sebagai seorang pemikir Islam sekiranya melihat kepada maksud literal bagi gelaran ini sahaja. Dalam erti kata yang lain, Kassim Ahmad adalah seorang Muslim yang berfikir mengenai hal-ehwal Islam. Namun begitu, untuk menganggap seseorang itu sebagai pemikir Islam yang setaraf dengan pemikir Islam muktabar yang lain dalam sejarah Islam seperti Imam Ahmad Ibn Hanbal (164-241H), Imam Al-Ghazzali (450-505H), Imam Ibn Taimiyyah (661-728H), Imam Jalaluddin Al-Suyuti (849-911H), Imam Shah Waliyullah Al-Dahlawi (1114-1176H) dan ramai lagi, seseorang itu perlulah melalui proses *ta'allum* dan *tafaqquh* yang diiktiraf oleh autoriti agama. Malah, lebih utama lagi, pemikiran yang dihasilkan oleh seseorang pemikir Islam itu mengembalikan umat melalui proses tajdid kepada prinsip-prinsip utama Islam yang berasal daripada Al-Quran, Al-Sunnah dan Ijmak para ulama muktabar.<sup>29</sup> Bukannya menghancurkan prinsip-prinsip agama yang telah disepakati para ulama muktabar sejak dahulu sehinggalah ke hari ini seperti yang dapat kita lihat dalam pelbagai

29 Hal ini bukanlah bermaksud mengkastakan ulama dalam masyarakat awam, kerana konsep kasta bukanlah berasal daripada Islam dan tidak terdapat dalam agama ini. Akan tetapi, ini adalah untuk memastikan kebenaran agama terus didukung dan kebatilan dalam pelbagai bentuknya seperti bidaah, ekstremisme, kejahilan dan ajaran sesat dapat terus dibanteras. Oleh itu, benarlah sabda Baginda SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya para ulama adalah pewaris para Nabi." (Riwayat Abu Daud, Al-Tirmidhi dan Ibn Majah).

contoh hari ini umpamanya dalam kelompok sekularis, liberalis, pluralis dan anti hadis.

Sidang penulis daripada Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Dr. Haron Din<sup>30</sup> dan Anggota Panel Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang diketuai oleh Dr. Abdul Halim El-Muhammady<sup>31</sup> telah masing-masing menerbitkan sebuah buku yang menyingkap permasalahan metodologi penulisan yang digunakan oleh Kassim Ahmad bagi buku *Hadis Satu Penilaian Semula*. Namun begitu, artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan analisis bagi pemikiran anti hadis Kassim Ahmad yang boleh dilihat dalam “*Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan datang*” dan telah dibentangkan pada 16 Februari 2014.

### **KRITIKAN ILMIAH TERHADAP ELEMEN ANTI HADIS DALAM UCAPAN KASSIM AHMAD**

Selain daripada kemunculan semula Kassim Ahmad dalam seminar, beliau juga telah menghebahkan teks penuh ucapan beliau melalui blog rasminya iaitu di <http://kassimahmad.blogspot.com>.<sup>32</sup> JAKIM telah pun mengeluarkan kenyataan rasmi bagi menjawab berkenaan isu ini di akhbar *Sinar Harian* pada 19 Februari 2014.<sup>33</sup> Begitu juga Felo Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) iaitu Md Asham Ahmad juga telah menerbitkan artikel beliau di *Berita Harian* dan laman sesawang rasmi IKIM untuk menggariskan beberapa kekeliruan

30 Haron Din (ed.), 1988, *Jawapan Kepada Buku Hadith Satu Penilaian Semula*. Bangi, Fakulti Pengajian Islam UKM.

31 Abdul Halim El-Muhammady (ed.), 1991, *Islam dan Al-Hadith: Satu Analisis ke atas Usaha-usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah SAW*. Selangor, Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 55-106.

32 Teks penuh *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan datang* boleh dirujuk di [http://kassimahmad.blogspot.com/2014\\_02\\_01\\_archive.html](http://kassimahmad.blogspot.com/2014_02_01_archive.html).

33 JAKIM, 17 April 2014, “Kenyataan Penuh JAKIM berhubung isu Kassim Ahmad,” *Sinar Harian*, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kenyataan-penuh-jakim-berhubung-isu-kassim-ahmad-1.252619>

yang dapat dikesan dalam ucapan Kassim Ahmad.<sup>34</sup> Malah, Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri turut menerbitkan sebuah buku kecil yang bertajuk *Anti Hadis: Inilah Jawapannya* untuk menjelaskan beberapa isu yang timbul berkenaan anjuran anti hadis oleh Kassim Ahmad.

Artikel ini bukan sahaja akan mengemukakan hasil analisis kandungan kepada ucapan Kassim Ahmad dalam seminar ini, malah akan membuat silang rujukan antara idea-idea anti hadis dalam ucapan ini kepada buku-buku awal yang telah beliau terbitkan. Ini akan memudahkan para peneliti yang lain untuk melihat hujahan yang telah diberikan oleh Kassim Ahmad dan memperdalamkan kefahaman ke atas hujah-hujah beliau untuk dijawab semula. Ini secara langsung dapat membantu agar hujah-hujah Kassim Ahmad dapat ditolak dengan sempurna.

Hal ini bertitik tolak daripada premis bahawa Kassim Ahmad adalah seorang pemikir dan penulis yang sentiasa konsisten dalam mengungkapkan pemikiran anti hadisnya semenjak diterbitkan *Hadis Satu Penilaian Semula* (1986).<sup>35</sup> Ini diikuti pula dengan buku kedua *Hadis Jawapan Kepada Pengkritik* (1992).<sup>36</sup> Pada 2014 dizahirkan pula elemen anti hadis ini dalam “*Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan datang.*” Terkini, dalam entri blognya bertajuk ‘Betulkah Hadis Kata-kata Nabi Muhammad’ pada 23 Mei 2015, Kassim Ahmad masih lagi mempersoalkan autoriti hadis.<sup>37</sup>

34 Md. Asham Ahmad, 17 April 2014, ‘Siapa Kassim Ahmad?’ *Portal Rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*, <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/8858-siapa-kassim-ahmad>.

35 Kassim Ahmad, 1986, *Hadis: Satu Penilaian Semula*, Petaling Jaya, Media Intelek. Namun begitu, oleh sebab menghadapi kesukaran menemui buku ini dalam versi bahasa Melayu, artikel ini akan menggunakan versi terjemahan bahasa Inggeris yang telah diiktiraf oleh Kassim Ahmad iaitu Kassim Ahmad. 1997. *Hadith A Re-Evaluation*. Tucson: Monotheists Productions International.

36 Kassim Ahmad, 1992, *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*, Kuala Lumpur, Media Indah.

37 Kassim Ahmad, 23 Mei 2015, “Betulkah Hadis Kata-kata Nabi Muhammad,” Kassim Ahmad: Essays and commentaries from Malaysia’s foremost thinker and philosopher, [http://kassimahmad.blogspot.com/2015\\_05\\_01\\_archive.html](http://kassimahmad.blogspot.com/2015_05_01_archive.html).

Teks ucapan Kassim Ahmad ini telah dibahagikan kepada lapan (8) pecahan topik, di mana topik yang ketujuh adalah yang paling panjang diulas oleh beliau yang bertajuk ‘Kesilapan-kesilapan umat Islam.’ Secara umum, kesemua teks ucapan ini disusun dalam 3503 patah perkataan, 50 perenggan dan turut disertakan dengan 26 nota kaki di beberapa tempat. Kesemua nota kaki ini digunakan untuk memberikan maklumat tambahan kepada 13 bahan rujukan yang telah digunakan oleh Kassim Ahmad dalam ucapannya ini seperti terjemahan Al-Quran,<sup>38</sup> karya penulis seperti: *Hadis Satu Penilaian Semula* (1986), *Hadis Jawapan Kepada Pengkritik* (1992), *Mencari Jalan Pulang Daripada Sosialisme Kepada Islam* (2008), sajak dan artikel-artikel; kemudiannya, *History of the Arabs* oleh Philip K. Hitti, Terjemahan *Al-Risalah Al-Shafi’iyyah* oleh Majid Khaddury, *Kesusasteraan Melayu Melaka* oleh Muhammad Yusuf Hashim dan *A History of Malaysia* oleh B.W. Andaya dan L.Y. Andaya.


Tujuan utama ucapan Kassim Ahmad dalam seminar yang membincangkan pemikiran beliau ini adalah untuk bercakap berkenaan hala tuju negara Malaysia untuk 30 tahun akan datang. Rangkuman yang dibuat oleh Kassim Ahmad dalam ucapannya ini pula adalah hala tuju dari sudut politik, sosial dan juga agama. Oleh itu, beliau telah membahagikan topik-topik utama dalam teks ucapannya seperti berikut: 1. Pendahuluan, 2. Keadaan dunia sekarang, 3. Masa depan, 4. Negara Malaysia, 5. Keadaan orang Islam sekarang, 6. Gerakan pembaharuan Islam, 7. Kesilapan-kesilapan umat Islam dan 8. Langkah-langkah yang perlu diambil (untuk menangani kesilapan).

Jelasnya, ucapan Kassim Ahmad ini dikembangkan daripada perbincangan berkisarkan politik melalui huraian beberapa sistem politik yang pernah dan sedang berjalan di dunia seperti komunisme, teokrasi dan liberalisme serta kegagalan sistem-sistem selain sistem Allah. Seterusnya, Kassim Ahmad berpindah ke perbincangan sosial

38 Tidak dapat dipastikan terjemahan Al-Quran yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam semua penulisan beliau. Disyaki terjemahan yang digunakan adalah terjemahan yang dibuat oleh Rashad Khalifa iaitu: *Quran - The Final Testament Authorized English Version of the Original* yang boleh dirujuk di <http://www.submission.ws/>. Oleh itu, terjemahan yang digunakan bukanlah terjemahan yang muktabar seperti Tafsir Pimpinan Rahman, Terjemahan Abdullah Yusuf Ali, Terjemahan Al-Quran cetakan Mujamma’ Al-Malik Fahd, Madinah dan lain-lain yang disahkan pengedarannya di Malaysia oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

melalui huraian berkenaan keadaan umat hari ini yang mengalami kemunduran dari sudut ekonomi, peperangan dan ketegangan antara kaum dan agama. Akhir sekali, Kassim Ahmad membawa perbincangan berkenaan agama, di mana beliau mencadangkan beberapa jawapan kepada segala permasalahan dan kesilapan yang sedang berlaku dalam umat ini. Tuntasnya, bagi beliau segala permasalahan ini boleh ditangani dengan kembali kepada ajaran al-Quran seperti yang beliau fahami, yakni mempunyai sifat liberal keagamaan dan juga anti hadis.

Antara kekeliruan dan penyelewengan yang terdapat pada ciri-ciri ajaran al-Quran Kassim Ahmad dapat diringkaskan melalui 11 isu seperti berikut, iaitu: isu berkenaan hudud adalah semata-mata undang-undang universal atau alamiah, isu gerakan pembaharuan Islam, isu pendewaan ulama, isu pendewaan Nabi Muhammad SAW, isu menutup aurat hanyalah bermaksud menutup kebogelan, isu Imam Al-Shāfi'ī mewajibkan hadis sebagai sumber Islam, isu kebebasan beragama adalah hak semua tanpa halangan undang-undang, isu akhirat adalah alam dunia peringkat tertinggi, isu ada dua aliran Islam yang sampai ke Melaka pada abad ke 14 dan 15, isu melagukan al-Quran adalah untuk menyembunyikan makna al-Quran dan isu Hadis tidak mentafsirkan Quran, tapi Quran mentafsirkan Quran melalui kaedah saintifik. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam **Jadual 1: Kekeliruan Islam dalam Ucapan Kassim Ahmad**, di Ahmad, di bawah.



Jadual 1: Kekeliruan Islam dalam Ucapan Kassim Ahmad

Hakikatnya, kesemua isu ini adalah saling berkait dan saling memberi pengaruh antara satu sama lain. Misalnya, isu ketiga iaitu pendewaan ulama dalam masyarakat Islam hari ini merupakan punca kepada wujudnya tuduhan Kassim Ahmad bahawa Imam Al-Shāfi'ī yang telah mewajibkan hadis dijadikan sumber Islam dan isu al-Quran dilagukan adalah untuk menyembunyikan maknanya. Manakala isu kelima (aurat hanyalah kebogelan), isu ketujuh (kebebasan beragama adalah hak semua tanpa halangan undang-undang) dan isu kelapan (akhirat adalah alam dunia peringkat tertinggi) adalah turut berkait dengan pandangan Kassim Ahmad bahawa hadis tidak mentafsirkan al-Quran, tetapi al-Quran ditafsirkan melalui kaedah saintifik.

Malah segala kekeliruan yang ditimbulkan oleh Kassim Ahmad dalam ucapannya ini dapat dirumuskan berpunca daripada kekeliruan dalam pemahaman agama Islam dari sudut sumber epistemologinya dan seterusnya menjaral kepada beberapa perbahasan dalam disiplin akidah, syariah dan akhlak. Ini semua mungkin tidak akan berlaku sekiranya Kassim Ahmad mengikuti pengajian Islam arus perdana dengan penuh adab dan tidak berpegang kepada premis-premis palsu berkenaan ajaran Islam yang telah diambil daripada para orientalis, Dr Rashad Khalifa (1935-1990) dan juga golongan Quraniyyin yang seangkatan dengannya.

Oleh itu, artikel ini akan membahaskan berkenaan dua isu yang secara langsung menonjolkan elemen anti hadis dalam ucapan Kassim Ahmad iaitu isu keenam: Imam Al-Shāfi'ī mewajibkan Hadis sebagai sumber Islam dan isu kesepuluh: Hadis tidak mentafsirkan Quran, tapi Quran mentafsirkan Quran melalui kaedah saintifik. Bagi isu keenam, Kassim Ahmad menyatakan seperti berikut:

Siapakah yang mewajibkan hadis sebagai satu sumber undang-undang sama seperti Quran dalam masyarakat Islam? Jawabnya, Imam Shafi'e (767-820). Beliau yang bertanggungjawab membuat doktrin baru menyatakan hadis satu sumber hukum sama seperti Quran. Sebelum beliau, apa yang dikatakan hadis sudah muncul, tetapi bilangannya sedikit sekali dan tidak diwajibkan diikuti oleh umat Islam. Sejarah mencatat khalifah-khalifah Abu Bakr,



Omar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan dan Ali Abi Thalib memiliki buku-buku nota yang mereka tulis perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan Nabi. Catitan-catitan ini tidak banyak dan hanya menjadi ikutan, jika sesuai, tetapi tidak diwajibkan.

Setelah doktrin baru oleh Imam Shafi'e ini diterima oleh masyarakat Islam, timbullah pengumpul-pengumpul hadis seperti Imam Bukhari (m. 870), Imam Muslim (m. 875) dan lain-lain. Imam Bukhari dilaporkan telah mengumpul 600,000 hadis dan beliau menapis hadis-hadis ini sehingga akhirnya tinggal 7,275 hadis yang beliau isytiharkan sebagai hadis sahih.<sup>39</sup>

Dakwaan yang dibuat oleh Kassim Ahmad ini, yang tidak henti-henti menuduh

Imam Muhammad Ibn Idris Al-Shāfi'ī sebagai ulama yang mula-mula sekali mewajibkan hadis dijadikan sebagai sumber hukum Islam boleh juga dikesan dalam buku anti hadis pertama (1986)<sup>40</sup> dan kedua (1992) beliau.<sup>41</sup> Kassim Ahmad masih lagi berhujah untuk isu ini dengan beberapa justifikasi yang tidak kukuh serta berasaskan khayalan yang beliau serta pengikut seangkatan beliau perjuangkan.

Sepertimana yang telah dijelaskan dalam ilmu Pengajian Islam yang tulen dan berasaskan ajaran Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā'ah, hadis merupakan sumber Islam bukanlah kerana Imam Al-Shāfi'ī yang mewajibkannya pada kurun kedua hijrah. Akan tetapi, hal ini berlaku sebelum kurun kedua hijrah lagi kerana umat semuanya menyahut dan akur kepada perintah Allah SWT melalui al-Quran,<sup>42</sup> dituruti pula

39 Lihat perenggan ke 26 dan 27 dalam teks ucapan Kassim Ahmad.

40 Kassim Ahmad, 1997, *Hadith A Re-Evaluation*, Tucson, Monotheists Productions International, hlm. 1-2, 18, 23-26, 30, 49, 61-63, 78 dan 91-94.

41 Kassim Ahmad, 1992, *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*, Kuala Lumpur, Media Indah, hlm. 18, 22, 44-47, 70-71 dan 138-139.

42 Misalnya ayat-ayat Quran yang memerintahkan mematuhi Rasulullah SAW seperti Surah al-Nisā' 4: ayat 65 dan 80, al-Mā'idah 5: ayat 67, al-Nahl 16: ayat 44, al-Ahzāb 30: ayat 36 dan 70 – 71 dan al-Hashr 59: ayat 7.

penjelasannya oleh Al-Hadis Al-Nabawi serta dipraktis oleh para sahabat yang Allah SWT meredhai mereka kesemuanya.<sup>43</sup> Amalan ini kemudiannya diteruskan dalam zaman al-Tabi'in, kemudiannya Atba' Al-Tabi'in sehinggalah ke hari ini.<sup>44</sup>

Imam Al-Shāfi'ī sebagai salah seorang daripada ramai ulama muktabar dalam silsilah ulama Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā'ah hanyalah menghuraikan realiti ini kepada umat, sebagaimana ulama-ulama lain yang bertanggungjawab dalam menyampaikan kebenaran dan hidayah Islam. Oleh itu, bukanlah hujah yang kukuh dan benar apabila Kassim Ahmad menolak justifikasi oleh Imam Al-Shāfi'ī berkenaan wajibnya mengambil hadis sebagai sumber Islam dalam *Al-Risalah* dengan kalimah al-hikmah yang sentiasa didampingkan dengan al-kitab dan juga melalui beberapa tafsiran al-Quran yang menyeleweng.<sup>45</sup>

Kemudian untuk isu kesepuluh, Kassim Ahmad menyatakan seperti berikut:

43 Misalnya boleh dirujuk hadis-hadis yang menjelaskan bagaimana generasi sebelum Imam al-Shāfi'ī r.a. seperti para sahabat RA yang berpegang kepada al-Sunnah dalam Bab al-I'tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunah dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Muqaddimah Sunan Ibn Majah mengenai kepentingan merujuk kepada hadis sebagai sumber hukum. Contohnya dalam hadis Mu'ādh ibn Jabal di bawah ini:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ قَالَ أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ أَجْتَهِدُ رَأْيِي وَإِلَّا أَلُو فَضْرَبَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ لَمَّا يُرْضَى رَسُولَ اللَّهِ

Maksudnya: Adalah Rasulullah SAW ketika hendak mengutuskan Muaz ibn Jabal ke Yaman, Rasulullah SAW mengemukakan soalan dengan sabdanya: «Bagaimana kamu jika dihadapkan permasalahan hukum? Dia berkata: «Saya berhukum dengan kitab Allah». Kemudian Rasulullah SAW bersabda: «Jika tidak terdapat dalam kitab Allah?», dia menjawab: «Saya berhukum dengan sunnah Rasulullah SAW». Kemudian Rasulullah bersabda: «Jika tidak terdapat dalam sunnah Rasulullah SAW?» Dia menjawab: «Saya akan berijtihad dan tidak berlebih (dalam ijtihad).» Maka Rasulullah SAW menepuk ke dada Muaz dan bersabda: «Segala puji bagi Allah yang telah sepakat dengan utusannya (Muaz) dengan apa yang diredai Rasulullah SAW.»(Riwayat al-Tirmidhi, Ahmad, Abu Daud dan al-Tabrani).

44 Misalnya, boleh dirujuk *Miftāḥ al-Jannah Fī al-I'tiṣām bi al-Sunnah* oleh Imam al-Suyuti.

45 Al-Shāfi'ī, Muhammad Ibn Idris. t.th. *Al-Risalah*, Semakan, Ahmad Muhammad Shakir, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, hlm. 93-105.

Kita mesti ada satu kaedah yang saintifik untuk mentafsirkan ayat-ayat Quran itu supaya ia benar-benar menjadi bimbingan kepada umat Islam dan seluruh dunia. Kaedah saintifik ini pada dasarnya bermakna Quran itu menjelaskan dirinya sendiri, yakni ayat mentafsirkan ayat, bukan seperti kaedah tradisional yang mendakwa Hadis mentafsirkan Quran.<sup>46</sup>

Dakwaan ini juga dapat ditemui dalam buku beliau pada tahun 1986<sup>47</sup> dan juga 1992.<sup>48</sup> Begitu juga dakwaan-dakwaannya lain yang terkandung dalam kesemua sembilan isu yang berbaki, turut boleh dilihat dalam buku-buku tahun 1986 dan 1992 oleh Kassim Ahmad. Apakah Kassim Ahmad tidak mengambil pelajaran daripada dialog-dialog yang telah berlangsung antara beliau dan para pegawai agama yang berautoriti? Mungkinkah Kassim Ahmad tidak meneliti secara mendalam kritikan dan jawapan balas daripada pelbagai pihak ke atas kesemua hujah yang telah beliau kemukakan dalam kedua-dua buku sebelum ini?

Jelasnya, di sini dapat dilihat kekeliruan yang dizahirkan oleh Kassim Ahmad kerana mendakwa bahawa kaedah saintifik yang baru ditemuinya pada kurun ke-15 hijrah boleh membatalkan kaedah tafsir al-Quran yang telah berakar umbi dalam umat ini semenjak zaman Rasulullah SAW lagi.<sup>49</sup> Kaedah saintifik yang beliau dakwa ini juga merupakan kaedah yang diambil daripada Dr. Rashad Khalifa iaitu Kod 19 seperti yang telah dijelaskan dalam kedua-dua bukunya sebelum ini iaitu *Hadis: Satu Penilaian Semula* dan *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Bukan sahaja kaedah Kod 19 Dr. Rashad Khalifa ini telah banyak menyeleweng kerana melanggar prinsip dan usul tafsir. Malah kaedah saintifik Kod 19 ini hendak memansuhkan pula

46 Lihat perenggan ke 39 dalam teks ucapan Kassim Ahmad.

47 Kassim Ahmad, 1997, *Hadith A Re-Evaluation*. Tucson: Monotheists Productions International, hlm. 134-140.

48 Kassim Ahmad, 1992, *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*, Kuala Lumpur, Media Indah, hlm. 31-32 dan 69-75.

49 Al-Dhahabi, Muhammad Husayn, 2000, *Al-Tafsir Wa Al-Mufasssirun*, Kaherah, Maktabah Wahbah. Jilid. 1, hlm. 28-48 dan Al-Khalidi, Salih °Abd Al-Fattah, 2012, *Ta'rif Al-Darisin Bi Manahij Al-Mufasssirin*, Damsyik, Dar Al-Qalam, hlm. 145-196.

dua ayat terakhir daripada surah al-Tawbah kerana didakwa Kassim Ahmad tidak sesuai dalam kiraan.<sup>50</sup>

Dakwaan ingin memansuhkan dua ayat Quran yang mutawatir ini menjadi bukti ketaasuban beliau dengan ideologi anti hadis, meskipun pada beberapa tempat beliau menolak gelaran ini pada dirinya kerana berdolak-dalik bahawa beliau bukanlah menolak keseluruhan hadis. Akan tetapi, yang ditolaknya hanyalah sebilangan besar hadis sahih yang pada khayalan dan tanggapan beliau bercanggah dengan al-Quran.

Definisi anti hadis yang perlu difahami oleh Kassim Ahmad dan masyarakat keseluruhannya ialah: anti hadis adalah mana-mana individu atau kumpulan yang 1) menolak kedudukan hadis sebagai sumber ilmu atau perundangan Islam serta 2) menolak kesahihan sesebuah atau lebih hadis sahih dalam Islam.<sup>51</sup> Anti hadis turut dikenali sebagai ingkar sunnah di Indonesia atau إنكار السنة di tanah Arab.

Hadis dan kedudukannya sebagai sumber Islam tidak sepatutnya diragui meskipun terdapat *firqah-firqah* awal dalam sejarah Islam seperti muktazilah, *Murjiah* dan *Syiah* yang sentiasa berselisih faham dalam menentukan kesahihan sesebuah hadis. Hal ini kerana apa yang umat ini amalkan adalah apa yang dipegang dan diajarkan oleh ulama muktabar Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā'ah, bukannya menurut apa yang dibawa oleh *firqah-firqah* lain seperti yang telah dinyatakan oleh Kassim Ahmad.

Malah satu lagi punca kekeliruan Kassim Ahmad berkenaan kehujahan hadis seperti yang dinyatakan beliau dalam buku-buku, artikel-artikel dan ucapan-ucapan beliau adalah kerana menyangka sikapnya yang anti hadis ini adalah sama seperti apa yang para ulama muktabar, khususnya *muhaddithin*, lakukan dalam mengkritik hadis-

50 Kassim Ahmad, 1992, *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*, Kuala Lumpur, Media Indah, hlm. 61.

51 Al-Siba'i, Mustafa, 2000, *Al-Sunnah Wa Makanatuha Fi Al-Tashri'*. t.tp, Dar Al-Warraaq, hlm. 165; Al-A'zami, Muhammad Mustafa, 1980, *Dirasat Fi Hadith Al-Nabawi*. Beirut, Al-Maktab Al-Islami, hlm. 2 dan Abd Al-Ghani Abd Al-Khaliq, 1307H. *Hujjyyah Al-Sunnah*. Mansurah, Al-Wafa', hlm. 345-377.

hadis sahih. Di sini, perlu dijelaskan perbezaan antara sikap kritis dalam batas yang dibenarkan dengan sikap kritis yang melampaui batas. Kedua-dua bahagian ini berpunca daripada kefahaman dan adab seseorang dalam menekuni sesebuah hadis.

Kritikan hadis yang dilakukan oleh para ulama muktabar, khususnya muhaddithin, adalah berasaskan latihan yang telah diterima dan dilakukan dengan adab Islam seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Para pengkritik hadis dalam kalangan *muhaddithin*, kritikan mereka adalah tertumpu kepada sanad, matan dan perawi tanpa menafikan kedudukan hadis sebagai sumber perundangan Islam. Malangnya, Kassim Ahmad yang tidak dapat dipastikan latihan pengajian Ilmu Islam yang telah beliau terima telah menerbitkan banyak artikel serta buku-buku yang berbaur anti hadis. Ini turut disertai dengan ucapan beliau di serata tempat sehingga melahirkan ramai pengikutnya di serata dunia seperti Forum Iqra di Malaysia, kumpulan-kumpulan liberal Islam di Mesir, Amerika Syarikat, Indonesia dan lain-lain tempat. Sekiranya Kassim Ahmad hendak menempatkan dirinya sebagai seorang pemikir yang kritis dan mempunyai banyak persoalan berkenaan hadis, beliau sepatutnya berjumpa dengan pakar-pakar hadis untuk menjawab persoalan-persoalannya dan meluruskan kefahamannya berkenaan isu yang besar ini. Kesan daripada hampir 30 tahun tidak jelas dengan isu kehujahan hadis ini akhirnya telah melahirkan Kassim Ahmad yang turut terkeliru dengan pelbagai perkara-perkara asas dan fundamental dalam Islam seperti 11 isu yang telah disenaraikan dalam artikel ini.

Hakikatnya, terdapat banyak penulisan yang telah diterbitkan untuk menjawab *Hadis: Satu Penilaian Semula* (1986) serta *Hadis Jawapan Kepada Pengkritik* (1992) dalam bentuk makalah, artikel akhbar, seminar, dialog, kertas ilmiah, warta kerajaan, fatwa, blog dan buku-buku. Antaranya: *Salah Faham Terhadap Hadis* oleh Ismail Yusoff, *Penjelasan Mengenai Hadis dan Kod 19* oleh Mahayudin Yahaya (ed.), *Penolakan Terhadap Penilaian Semula Hadis* oleh Said Ibrahim, *Jawapan Kepada Buku Hadis Satu Penilaian Semula* oleh Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), *Al-Sunnah Kedudukan dan Peranannya dalam Syariah Islam* oleh Mahmud Saedon, *Irrationality of Anti Hadis Heretics* oleh Muhammad Abdul Rauf, Islam dan Al-Hadith: *Satu Analisis*

*ke atas Usaha-usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah SAW* oleh Abdul Halim El-Muhammady, *Membongkar Kekeliruan Firqah Inkar Al-Sunnah* oleh Akmal Mohd Zain, *20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya* oleh Hafiz Firdaus, *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Anti Hadis* oleh Fauzi Deraman (ed.) dan *Dari Kod 19 kepada Anti Hadis* oleh Nahmar Jamil. Semua ini dilakukan adalah untuk menunaikan fardu kifayah dalam membanteras ajaran sesat dan ajaran yang meragukan daripada bertumbuh dan membiak dalam sanubari umat Islam Malaysia.

Sehingga ke tarikh artikel ini disediakan, Kassim Ahmad telah pun membuat pengakuan tidak bersalah atas pertuduhan menghina Islam dan mengingkari pihak berkuasa agama pada 27 Mac 2014 oleh Mahkamah Syariah Putrajaya. Beliau dituduh mengikut Seksyen 7 (b) dan Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan. Pada 7 April 2014, Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya telah menetapkan tarikh 6 dan 7 Mei 2014 untuk membicarakan kes ini.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Kewujudan hadis Nabi SAW sebagai sumber rujukan Islam sewajibnya dihargai sebagai antara nikmat terbesar bagi ummah untuk menanggapi dan memahami pelbagai persoalan agama yang benar ini. Untuk memahami nikmat ini secara perbandingan dengan agama-agama lain di dunia, Almarhum Sayyid Abul Hasan Ali Al-Nadwi (1927-1999) pernah mengungkapkan:

Agama Yahudi, Kristian dan kepercayaan-kepercayaan Asia yang lain telah menjadi lumpuh begitu cepat kerana agama-agama dan kepercayaan-kepercayaan tersebut tidak memiliki suatu rekod yang sahih berhubung dengan ajaran-ajaran dan praktis-praktis para nabi mereka. Suasana di mana para pemeluk boleh berkembang dengan baik dari segi moral dan kerohanian serta para pemeluk boleh bertahan dan menentang dengan jayanya

serangan-serangan kepercayaan tidak bertuhan dan materialisme adalah tidak terdapat dalam agama-agama tersebut. Akhirnya, mereka cuba memenuhi kekosongan itu dengan penceritaan tentang kehidupan dan pencapaian para wali dan orang-orang ‘suci’ serta khutbah-khutbah dan ucapan-ucapan mereka, tetapi tindakan tersebut hanya menurunkan taraf agama kepada satu pakej bidaah, upacara keagamaan, serta tafsiran-tafsiran yang cukup mahir.<sup>52</sup>

Hadis juga adalah manhaj yang mudah dan memberi rahmat. Ini bersesuaian dengan sifat baginda SAW sebagai رحمة مهداة iaitu rahmat yang diberi petunjuk. Tidak terdapat dalam hadis Nabi Muhammad SAW sesuatu yang menyusahkan manusia dalam urusan agama mereka atau sesuatu yang menyulitkan urusan dunia mereka melainkan perkara itu adalah berasal daripada nafsu dan kebatilan yang sewajibnya ditentang secara habis-habisan.

Al-Qardhawi dalam bukunya *Kayfa Nataʿamal Maʿa Al-Sunnah Al-Nabawiyah* menjelaskan kedudukan hadis dalam Islam dengan mentakrifkan hadis sebagai tafsiran praktis bagi al-Quran dan juga sebagai pelaksanaan yang realiti serta unggul bagi Islam. Hadis Nabi merupakan manhaj yang lengkap dan sempurna, seimbang dan mudah, yang terpancar di dalamnya erti ketuhanan yang utuh, kemanusiaan yang unggul dan keperibadian yang berasas. Hal ini menyebabkan umat Islam perlu berinteraksi dengan hadis melalui kefahaman yang betul sebagaimana pemahaman yang telah ditunjukkan oleh kalangan sahabat RA.<sup>53</sup>

Oleh itu, segala usaha ilmiah dalam mengangkat kedudukan Islam, bukanlah dengan menghancurkan pula mana-mana prinsip dalam Islam. Seseorang yang hendak mengkritik hadis, hendaklah menguasai dahulu ilmu-ilmu hadis dengan asas yang mendalam

52 Al-Nadwi, Syed Abul Hasan Ali, 1994, Hubungan Hadis Nabi dengan Kehidupan Keagamaan dan Sosial pada Zaman Moden. Dalam *Kedudukan Hadis Dalam Islam*. Zakaria Stapa (penterjemah). Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, hlm. 36-37.

53 Al-Qardhawi, Yusuf, 1993, *Kayfa Nataʿamal Maʿa Al-Sunnah Al-Nabawiyah: Maʿalim Wa Dawabit*. Herndon: Al-Maʿhad Al-ʿAlami Li Al-Fikr Al-Islami, hlm. 23.

melalui pembelajaran daripada guru-guru agama yang muktabar. Seseorang itu juga hendaklah menjauhkan diri daripada mengikut hawa nafsu serta dorongan-dorongan yang jahat seperti yang ditunjukkan oleh para orientalis dan liberalis Muslim di serata dunia. Terdapat ribuan hadis sahih dalam kitab-kitab *sihah, sunan, masanid* dan *ma'ajim*. Jika terdapat sedikit daripadanya yang dikritik oleh ulama-ulama hadis atau yang diragui kesahihannya, perkara ini sebenarnya tidak membawa kepada cacat-cela atau mengurangkan nilai hadis sebagai sumber Islam yang berautoriti. Inilah pegangan dan fahaman umat Islam Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamā'ah, akan tetapi telah disalah tafsir oleh Kassim Ahmad dan pengikut-pengikut anti hadis yang lain.

## RUJUKAN

- Abd Al-Ghani Abd Al-Khaliq. 1307H. *Hujjiyyah Al-Sunnah*. Mansurah: Al-Wafa'.
- Abd Al-Wahhab Khallaf. 1956. *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah: Maktabah Al-Da'wah Al-Islamiyyah.
- Abdul Halim El-Muhammady (ed.). 1991. *Islam dan Al-Hadith: Satu Analisis ke atas Usaha-usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah SAW*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-A'zami, Muhammad Mustafa. 1980. *Dirasat Fi Hadith Al-Nabawi*. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Adawi, Mustafa. 1990. *Taysir Mustalah Al-Hadis: Fi Su'al Wa Jawab*. t.tp.: Maktabah Al-Haramayn Li Al-'Ulum Al-Nafi'ah. hlm. 30-31.
- Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail. (1998). *Sahih Al-Bukhari*. Riyadh: International Ideas Home for Publishing and Distribution.
- Al-'Almawi, Abd Al-Basit. 1349H. *Al-Mu'id Fi Adab Al-Mufid Wa Al-Mustafid*. Damsyik: t.pb.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 2000. *Al-Tafsir Wa Al-Mufassirin*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Ghazzali, Muhammad. 2005. *Laysa Min Al-Islam*. Kaherah: Dar Al-Shuruq.
- Al-Ghazzali. 1413H. *Al-Mustasfa Min Ilm Al-Usul*. t.tp: t. pb.
- Al-Khalidi, Salih 'Abd Al-Fattah. 2012. *Ta'rif Al-Darisin Bi Manahij Al-Mufassirin*. Damsyik: Dar Al-Qalam.



- Al-Nadwi, Syed Abul Hasan Ali. 1994. Hubungan Hadis Nabi dengan Kehidupan Keagamaan dan Sosial pada Zaman Moden. Dalam *Kedudukan Hadis Dalam Islam*. Zakaria Stapa (penterjemah). Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1987. *Adab Al-<sup>c</sup>Alim Wa Al-Muta<sup>c</sup>allim*. Tanta: Maktabah Al-Sahabah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin. 1985. *Al-Taqrīb Wa Al-Taysir Li Ma<sup>c</sup>rifah Sunan Al-Bashir Al-Nadhir*. Semakan: Muhammad <sup>c</sup>Uthman Al-Khasht. Beirut: Dar Al-Kitab Al-Arabi.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1993. *Kayfa Nata<sup>c</sup>amal Ma<sup>c</sup>a Al-Sunnah Al-Nabawiyah: Ma<sup>c</sup>alim Wa Dawabit*. Herndon: Al-Ma<sup>c</sup>had Al-<sup>c</sup>Alami Li Al-Fikr Al-Islami.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1996. *Al-Ijtihad Fi Al-Shari<sup>c</sup>ah Al-Islamiyyah*. Kuwait: Dar Al-Qalam.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 2001. *Al-Sunnah Wa Al-Bid<sup>c</sup>ah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Salus, Ali Ahmad. 1987. *Qissah Al-Hujum <sup>c</sup>Ala Al-Sunnah*. T.tp. : Dar Al-Salam.
- Al-Shafi<sup>c</sup>i, Muhammad Ibn Idris. t.th. *Al-Risalah*. Semakan: Ahmad Muhammad Shakir. Beirut: Dar Al-Kutub Al-<sup>c</sup>Ilmiyyah,
- Al-Shatibi, Ibrahim. 1421H. *Al-I<sup>c</sup>tisam*. T.tp: Maktabah Al-Tawhid.
- Al-Siba<sup>c</sup>i, Mustafa. 2000. *Al-Sunnah Wa Makanatuha Fi Al-Tashri<sup>c</sup>*. t.tp: Dar Al-Warraq.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Ibn <sup>c</sup>Abd Al-Rahman. 1987. *Miftah Al-Jannah Fi Al-I<sup>c</sup>tisam Bi Al-Sunnah*. Semakan: Mustafa <sup>c</sup>Ashur. Jeddah: Maktabah Al-Sa<sup>c</sup>i.
- Al-Suyuti, Jalaluddin. 1996. *Tadrib Al-Rawi Sharh Taqrīb Al-Nawawi*. Semakan: Beirut: Dar Al-Kutub Al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Al-Tahhan, Mahmud. 1415H. *Taysir Mustalah Al-Hadis*. Iskandariyyah: Markaz Al-Huda Li Al-Dirasat.
- Al-Zarkashi, Badr Al-Din. 1992. *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Al-Fiqh*. Al-Ghardaqah: Dar Al-Safwah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Haron Din (ed.). 1988. *Jawapan Kepada Buku Hadith Satu Penilaian Semula*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ibn Al-Firkah. (t. th.). *Sharh Al-Waraqat Li Al-Haramayn Al-Juwayni*. t.tp.: Dar Al-Basha'ir Al-Islamiyyah.

- Ibn Jamaah. 2005. *Tazkirah Al-Sami' Wa Al-Mutakallim Fi Adab Al-'Alim Wa Al-Muta'allim*. Samnud: Maktabah Ibn Abbas.
- Ibn Salah. 1986. *'Ulum Al-Hadith*. Semakan: Nuruddin 'Itr. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. 2014. "Fatawa: Buku "Hadis Satu Penilaian Semula" oleh Kassim Ahmad; Buku "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik" oleh Kassim Ahmad; Buku "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu – Hadis Di Dalam Al-Qur'an" oleh Idris Abdul Rahman; Buku "Bacaan" oleh Othman Ali; Buku "The Co." Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1913>. Diakses pada 17 April 2014
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. 2014. "Fatawa: Pandangan Mengenai Buku Dr. Kassim Ahmad "Hadis Satu Penilaian Semula." Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=803>. Diakses pada 17 April 2014.
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. 2014. "Fatawa: Kedudukan Kassim b. Ahmad." Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1002>. Diakses pada 17 April 2014.
- Jabatan Mufti Negeri Sabah. 2014. "Buku Hadith Satu Penilaian Semula oleh Kassim Ahmad." E-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/buku-hadith-satu-penilaian-semula-oleh-kassim-ahmad>. Diakses pada 17 April 2014.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2014. "Fatawa: Fatwa Tentang Buku "Hadis Satu Penilaian Semula" Oleh Kassim Ahmad." Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=274>. Diakses pada 17 April 2014.

- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2014. "Golongan Anti Hadis." Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=985>. Diakses pada 17 April 2014.
- Jabatan Mufti Negeri Wilayah Persekutuan. 2014. "Fatawa: Anti Hadith." Sistem Pengurusan Fatwa. Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=215>. Diakses pada 17 April 2014.
- JAKIM. 2014. "Kenyataan Penuh JAKIM berhubung isu Kassim Ahmad." *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kenyataan-penuh-jakim-berhubung-isu-kassim-ahmad-1.252619>. Diakses pada 17 April 2014.
- Kassim Ahmad. 1986. *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya: Media Intelek.
- Kassim Ahmad. 1992. *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur : Media Indah.
- Kassim Ahmad. 1997. *Hadith A Re-Evaluation*. Tucson: Monotheists Productions International.
- Kassim Ahmad. 2008. *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Kuala Lumpur: ZI Publications Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 23 Mei 2015. "Betulkah Hadis Kata-kata Nabi Muhammad," Kassim Ahmad: Essays and commentaries from Malaysia's foremost thinker and philosopher. [http://kassimahmad.blogspot.com/2015\\_05\\_01\\_archive.html](http://kassimahmad.blogspot.com/2015_05_01_archive.html).
- Koutoub Moustapha Sano. 2006. *La Inkar Fi Masa'il Al-Ijtihad: Ru'yah Manhajiyah Tahliliyyah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Md. Asham Ahmad. 2014. "Siapa Kassim Ahmad?" *Portal Rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*. <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/8858-siapa-kassim-ahmad>. Diakses pada 17 April 2014.
- Muhammad Abu Zuhu. 1984. *Al-Hadith Wa Al-Muhaddithun Aw Inayah Al-Ummah Al-Islamiyyah Bi Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Riyadh: Al-Ri'asah Al-<sup>o</sup>Ammah Li Idarat Al-Buhuth Al-<sup>o</sup>Ilmiyyah Wa Al-Ifta' Wa Al-Da<sup>o</sup>wah Wa Al-Irshad.

- Muhammad Imarah. 2007. *Al-Nass Al-Islami Bayna Al-Tarikhyyah... Wa Al-Ijtihad... Wa Al-Jumud*. Mesir: Nahdah Misr.
- Nuruddin 'Itr. 1988. *Manhaj Al-Naqd Fi 'Ulum Al-Hadis*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- N.a. 2014. "Kassim's Biography." *Kassim's Verses*. <http://kassimahmad.wordpress.com/about/>. Diakses pada 17 April 2014.